


**PUSAT SUMBER
FAKULTI ALAM BINA**



FAB30000011115

**KAJIAN PENDEKATAN INTERPRETASI BARU TERHADAP KAWASAN
EKOPELANCONGAN DI SUNGAI BULOH WETLAND RESERVE, SINGAPURA.**

AFIQAH BINTI SUJARWI

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah**

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH
FAKULTI ALAM BINA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

APRIL 2010

ABSTRAK

Sejak diperkenalkan di Eropah pada pertengahan tahun 1980-an industri ekopelancongan terus berkembang sebagai salah satu industri pelancongan global dan semakin mendapat tempat di kalangan pelancong. Di Malaysia, ekopelancongan juga terus menjadi tumpuan khususnya dalam pembangunan sektor pelancongan. Namun demikian dalam usaha menarik kedatangan pelancong ke kawasan ekopelancongan di negara kita, masih lagi timbul laporan mengenai penurunan bilangan kedatangan pelancong Amerika Syarikat dan Eropah (Utusan Malaysia, Mei 2008). Laporan ini turut mengemukakan pendapat bagi mengkaji semula produk dan aktiviti yang ditawarkan di kawasan ekopelancongan di negara kita. Di mana, para pelancong tersebut lebih gemar ke negara jiran, oleh kerana produk yang ditawarkan dan pengalaman yang diperolehi. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengupas isu peranan interpretasi terhadap kualiti pengalaman pelancong. Kajian ini juga akan mengenalpasti teknik-teknik interpretasi yang berkesan termasuklah pendekatan interpretasi baru. Paya Simpanan Sungei Buloh atau *Sungei Buloh Wetland Reserve* (SBWR), Singapura telah dipilih sebagai kawasan kajian setelah ianya dikenalpasti mempunyai pelbagai pendekatan interpretasi termasuklah teknik interpretasi baru iaitu Laluan Pembelajaran Wayarles (*Wireless Learning Trail*). Dalam menjalankan analisis ini, kaedah yang digunakan ialah Analisis Deskriptif dan Analisis Kepentingan-Prestasi (AKP). Tujuan analisis deskriptif adalah untuk mengenalpasti profil dan motivasi pelancong di SBWR. Dalam kaedah analisis AKP pula, suatu kuadran AKP akan dihasilkan. Di mana, teknik interpretasi yang berada di dalam kuadran II (bermaksud 'prestasi baik dan perlu dikekalkan') dianggap sebagai pendekatan interpretasi yang berkesan dan memberikan kualiti pengalaman yang tinggi kepada pelancong. Selain itu, terdapat beberapa pengajaran yang boleh diperolehi mengenai interpretasi dari kawasan kajian, SBWR, iaitu penggunaan sumber digunakan sebaiknya dalam menyampaikan maklumat (interpretasi). SBWR juga menggunakan peluang pembangunan teknologi sebagai inovasi dalam meningkatkan keberkesanan interpretasi seterusnya meningkatkan kualiti pengalaman pelancong di kawasannya.

ABSTRACT

Since it has been introduced in the middle of 1980's, eco-tourism had emerged as a major component of the global tourism industry and had become one of the main tourist options. In Malaysia, the eco-tourism also continues to be a focus development in the tourism sector. However, in an effort to attract the tourists to come to our eco-tourism attraction, there has been a report about the gradual decreases of the tourist arrival number for United States and Europe tourists (Utusan Malaysia, May 2008). There also been a criticism to review local eco-tourism's products and activities. Where, it is also claimed that the tourists are more preferred to travel to Singapore because of the products offered and experiences they will obtain. Therefore, the study was conducted to analyze the issues of interpretation's role to the quality of tourist's experience. This study will also identify the effective interpretation techniques including the new interpretation approach. Sungei Buloh Wetland Reserve (SBWR), Singapore has been chosen as the case study as various approaches to interpretation had been identified here including new interpretation that is the Wireless Learning Trail. In conducting the analysis, this study used the Descriptive Analysis and Importance-Performance Analysis (AKP). The main purpose of the Descriptive Analysis is to identify the tourist's profile and motivation. Meanwhile, in AKP, a quadrant had been produced, where as the interpretation techniques that are placed into Quadrant II (keep up the good work) were recognized as the effective interpretation method and provides a high quality experience to the tourists. Other than that, there also some lesson to be learn from SBWR in the perspective of interpretation development. The available resources in the SBWR had been used preferably in conveying the information (interpretation). SBWR also use the technology development as the innovation opportunity in other to increase the effectiveness interpretation, thus improving the quality of tourist's experience.